

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN KHALID BIN ABD SAMAD  
[ SHAH ALAM ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian bersedia mempertimbangkan permintaan mahasiswa agar pampasan diberikan apabila berlakunya perubahan polisi pada saat akhir berkenaan mahasiswa ke kampus pada awal Oktober 2020 seperti tiket penerbangan, rumah sewa dan yuran pengajian.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sentiasa prihatin dan menitikberatkan kebajikan serta kesejahteraan pelajar IPT. KPT telah bekerjasama dengan syarikat penerbangan seperti Malaysia Airlines, AirAsia, Malindo Air dan FireFly serta pihak Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) bagi membantu meringankan beban pelajar yang terjejas dengan penangguhan kemasukan pelajar secara bersemuka. Melalui kerjasama strategik ini, pihak syarikat penerbangan mahupun pengangkutan darat telah bersetuju untuk memberikan pelajar kemudahan menjadualkan semula pergerakan mereka tanpa sebarang implikasi kos tambahan. Pada masa yang sama, KPT turut menghargai peranan syarikat-syarikat bas ekspres yang turut bekerjasama dalam usaha membantu mempermudah kekangan yang dihadapi oleh para pelajar yang terjejas.

Di samping itu, pihak pengurusan Universiti Awam (UA) juga menyediakan bantuan kepada pelajar berkeperluan yang terjejas akibat penangguhan pendaftaran secara bersemuka. Antara insentif yang disediakan adalah kewangan, pemberian pelan data dan peranti secara percuma atau pada harga tawaran istimewa hasil rundingan bersama syarikat telekomunikasi dan juga syarikat peranti komputer, elaun sara hidup dan bantuan makanan.

Atas dasar keprihatinan, bagi pengajian Semester 2 Sesi 2019/2020, Kerajaan juga telah bersetuju untuk mengurangkan kadar yuran asrama dan perkhidmatan atau aktiviti pada kadar minima 15 peratus. Malah terdapat sesetengah UA, Politeknik dan Kolej Komuniti mengurangkan kadar sehingga 100 peratus. Ini melibatkan peruntukan sebanyak RM72 juta. Langkah yang sama juga telah diteruskan bagi pengajian Semester 1 Sesi 2020/2021.

Sekian terima kasih.